

# Tertakluk SOP Kementerian Kesihatan M'sia

## Dari muka depan

Mohd Shafie berkata operasi-operasi yang dibenarkan adalah rentas negeri, gunting rambut (asas sahaja), melancong dalam negeri, sambutan Raya Haji dan ibadah korban, pembukaan semula sekolah secara berperingkat (termasuk tadika), dobi layan diri dan kolam memancing (tertakluk kepada saiz dan penjarakan sosial).

Turut dibenarkan ialah aktiviti berbasikal/ konvoi (tidak melebihi 40 orang), aktiviti rekreasi dan riadah luar yang tidak bersentuhan (contoh berjogging), sukan tidak bersentuhan (contoh badminton), rumah ibadat bukan Islam (gereja, kuil dan sebagainya) serta perniagaan tukar barang.

"Waktu operasi perniagaan hendaklah dijalankan seperti biasa tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) Kementerian Kesihatan Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Yang Berwajib," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau menambah, aktiviti yang masih tidak dibenarkan ialah pub dan kelab malam, pusat hiburan/ refleksiologi dan karaoke; taman tema; perarakan keagamaan, kenduri kendara, rumah-rumah terbuka, sukan bersentuhan (contohnya bola sepak), melancong ke luar negara dan perhimpunan orang ramai.

# Penduduk Labuan, Sabah dikecualikan jalani ujian Covid-19

KOTA KINABALU: Penjawat awam, pekerja sektor swasta, penduduk Wilayah Persekutuan Labuan (WP) dan rakyat Sabah yang berada di wilayah itu dikecualikan menjalani ujian Covid-19 apabila masuk ke negeri ini.

Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata pengecualian itu dibuat selepas kerajaan

negeri pada Rabu memberi kelengkapan perjalanan masuk ke Sabah sama ada melalui udara dan laut.

Bagaimanapun, bagi mereka yang bukan penduduk Sabah dan bukan warganegara Malaysia diwajibkan untuk mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

"Antaranya mengemukakan pas

kerja dan pas-pas lain yang masih sah setibanya di Sabah," katanya dalam kenyataan, di sini, pada Rabu.

Sementara itu, Kerajaan Negeri Sabah memberi kebenaran kepada beberapa aktiviti dan perniagaan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berkuatkuasa 10 Jun hingga 31 Ogos.

Lihat muka 2